KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA

# HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

## KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH

# SEJARAH

## TINGKATAN 1, 2 & 3

PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
APRIL 2002

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA

# HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
## KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH

# SEJARAH

PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**ISBN**

# KANDUNGAN

Rukun Negara

Falsafah Pendidikan Negara

Kata Pengantar

Pendahuluan

Matlamat dan Objektif Mata Pelajaran Sejarah

Huraian Sukatan Pelajaran:
- Tingkatan 1
- Tingkatan 2
- Tingkatan 3

## RUKUN NEGARA

Bahawasanya negara kita Malaysia, mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut:-

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**

**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**

**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**

**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad 21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharap dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, teori kecerdasan pelbagai, pembelajaran masteri, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran akses kendiri. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Selaras dengan matlamat utama mata pelajaran Sejarah sebagai pendukung utama pemupukan semangat patriotik di kalangan murid, guru perlu memberi penekanan kepada kemahiran pemikiran sejarah dan membimbing murid-murid untuk menganalisis dan menilai fakta-fakta sejarah secara rasional. Melalui pemahaman dan penghayatan aspek sejarah negara, diharap murid dapat memperkasa keperibadian bangsa Malaysia.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini banyak pihak terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



**(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN)**
**Pengarah**
**Pusat Perkembangan Kurikulum**
**Kementerian Pendidikan Malaysia**

## PENDAHULUAN

Status Mata Pelajaran Sejarah

**Sejarah** adalah mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang wajib dipelajari oleh semua pelajar secara berterusan selama lima tahun. Oleh itu kurikulum Pendidikan Sejarah pada peringkat Sekolah Menengah Rendah (SMR) mestilah mempunyai kesinambungannya pada peringkat Sekolah Menengah Atas (SMA), supaya asas-asas pengetahuan, nilai-nilai murni, kemahiran belajar dan pengalaman yang diperoleh dapat diperkukuh dan diperkembangkan lagi.

Pendekatan kronologi

Pada peringkat SMR, kandungan kurikulum menumpukan kepada pemahaman yang menyeluruh dan memberi gambaran jelas tentang sejarah negara. Oleh itu kandungan kurikulum Pendidikan Sejarah lebih berbentuk rentetan peristiwa yang membincangkan tentang aspek kehidupan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial. Rentetan peristiwa ini disusun secara kronologi supaya pelajar dapat memahami proses perkembangan masyarakat dan negara, serta unsur-unsur kesinambungan dan perubahan yang berlaku. Dalam rentetan peristiwa ini dimasukkan pula sejarah negara luar yang mempunyai kaitan dengan sejarah negara kita. Sejarah negara luar ini merupakan asas bagi pelajar untuk mengetahui dan memahami hubungan dan kaitannya dengan sejarah Malaysia.

Memperoleh perspektif yang luas

Kurikulum Sejarah bagi peringkat SMA pula dirancang dengan tujuan supaya murid memperoleh perspektif yang lebih luas tentang proses perkembangan masyarakat dan negara. Sejarah perkembangan dan proses evolusi peradaban dunia akan dikaji bagi melengkapkan perspektif pendidikan Sejarah. Pengetahuan dan pemahaman tersebut membolehkan pelajar melihat secara perbandingan peradaban yang dicapai oleh negara luar dan menghubungkaitkannya dengan masyarakat negara kita. Dengan ini murid dapat memahami kedudukan negara sebagai sebahagian daripada peradaban dunia.

Kesepaduan unsur

KBSM menegaskan kesepaduan unsur pengetahuan, peningkatan daya intelek, pemupukan nilai-nilai murni dan perkembangan kemahiran belajar. Dalam edisi penyemakan kurikulum Sejarah ini, kesepaduan dan kesinambungan unsur-unsur ini diteruskan. Di samping pengetahuan sejarah, konsep-konsep dan kemahiran asas disiplin sejarah seperti kemahiran pemikiran sejarah dan unsur patriotisme diberi penekanan dan diperkukuhkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pemupukan kemahiran berfikir

Dalam usaha untuk melahirkan generasi yang dapat memenuhi matlamat dan aspirasi negara, pendekatan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Sejarah perlu menjurus kepada pemupukan kemahiran berfikir dan kemahiran pemikiran sejarah di kalangan murid di samping nilai-nilai murni dan semangat patriotik.

Penerapan unsur patriotisme

Patriotisme adalah perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air. Perasaan ini perlu wujud di hati setiap individu rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Sehubungan itu, semangat patriotik dapat membentuk rakyat Malaysia yang bersatu padu dan harmoni. Justeru, berdasarkan pengetahuan dan pemahaman aspek-aspek sejarah negara, murid dibimbing untuk menganalisis dan menilai fakta-fakta sejarah secara rasional. Natijah daripada pemahaman dan penghayatan sejarah negara, murid dapat membina kekuatan semangat cinta akan negara.

Pendidikan bertaraf dunia

Wawasan 2020 menyarankan Malaysia menjadi negara maju mengikut acuan kita sendiri. Oleh itu, rakyat Malaysia perlu mempunyai pengetahuan tentang dunia luar supaya berkemampuan untuk bersaing dengan mereka. Persaingan tidak dapat dielakkan dalam dunia globalisasi kerana kuasa politik dan ekonomi dikawal oleh masyarakat yang berilmu dan bermaklumat. Maka adalah penting pendidikan di Malaysia memperkenalkan murid kepada dunia luar menerusi kurikulum futuris yang turut menekankan kepada pendidikan bertaraf dunia yang berkait rapat dengan teknologi maklumat.

Penyuburan daya tahan

Daya tahan perlu disuburkan di kalangan murid. Pembinaan daya tahan menerusi kemahiran pembelajaran, pemahaman, dan pemikiran. Murid yang berdaya tahan bukan sahaja berupaya mempelajari sesuatu yang baru, memahaminya dengan mendalam, bahkan mampu memilih maklumat yang penting dan relevan.

Pendidikan sepanjang hayat

Perkembangan pembelajaran turut didorong oleh peningkatan pendidikan sepanjang hayat. Sehubungan itu penampilan pendidikan Sejarah sebagai satu disiplin ilmu yang dinamik, dilakukan melalui pendekatan pembelajaran yang melibatkan para pelajar secara aktif dan berterusan.

Tujuan pendidikan Sejarah adalah untuk memupuk semangat setia negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air. Di peringkat Sekolah Menengah Rendah, pembelajaran tentang sejarah negara yang meliputi jangka masa selama lima ratus tahun disusun secara kronologi. Ia bertujuan untuk memberi pemahaman menyeluruh dan suatu gambaran lengkap tentang sejarah negara kepada murid. Rentetan peristiwa ini membawa tema-tema tersendiri yang dijadikan pokok perbincangan. Kesemuanya mempunyai **enam** tema seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| **Tema 1** | **:** | **Tamadun Awal Dan Keagungan Kesultanan Melayu Melaka** |
| **Tema 2** | **:** | **Kesultanan Melayu Melaka Menjadi Asas Kerajaan Masa Kini** |
| **Tema 3** | **:** | **Kemakmuran dan kekayaan Negara Kita Menarik Kuasa Luar untuk Menjajah** |
| **Tema 4** | **:** | **Tindak Balas Masyarakat Tempatan Terhadap Penjajah British** |
| **Tema 5** | **:** | **Perjuangan Rakyat ke Arah Kemerdekaan Tanah Air** |
| **Tema 6** | **:** | **Pembentukan Persekutuan Malaysia** |

Daripada enam tema di atas, Tema 1 dan 2 dipelajari di Tingkatan I, diikuti dengan Tema 3 dan 4 di Tingkatan II dan Tema 5 dan 6 di Tingkatan III.

Selain mengkaji tema-tema tersebut, aspek-aspek tentang Sejarah Tempatan turut dikaji. Kajian Sejarah Tempatan bertujuan memberi pengalaman secara langsung kepada murid mengkaji aspek-aspek sejarah yang ada di sekeliling mereka. Melalui pengkajian ini, kemahiran seperti mencari, mengumpul, mengelas, mentafsir maklumat dan fakta sejarah dapat dipertingkatkan. Pengalaman ini juga diharapkan akan dapat menimbulkan kepekaan dan memupuk minat pelajar terhadap sejarah.

Kajian Sejarah Tempatan memberi tumpuan kepada hal-hal yang bersangkutan dengan keadaan setempat. Unsur-unsur yang boleh dijadikan kajian seperti tokoh, peristiwa, perkembangan ekonomi, adat resam dan tradisi setempat.

Bagi **Tingkatan I** kandungan Kajian Sejarah Tempatan meliputi:

- SEJARAH DIRI DAN KELUARGA

Bagi **Tingkatan 2** liputan kajian ialah:

- SEJARAH SEKOLAH

Bagi **Tingkatan 3** liputan kajian ialah:

- SEJARAH PERSEKITARAN KAWASAN SEKOLAH
- SEJARAH KAWASAN TEMPAT TINGGAL/KEDIAMAN

## MATLAMAT

Pendidikan Sejarah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuh semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia. Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanahair dan sejarah negara luar yang berkaitan, para murid dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan sejarah dunia. Usaha ini bertujuan mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan bangsa dan negara Malaysia. Pendidikan Sejarah juga dapat mewujudkan ingatan bersama terhadap Sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa.

## OBJEKTIF

Kurikulum sejarah membolehkan murid :

1. menyusur galur sejarah diri dan salasilah keluarga;
2. menulis dan menghuraikan sejarah perkembangan sekolah;
3. menyatakan asal usul dan perkembangan masyarakat dan negara;
4. menyatakan warisan tradisi Kesultanan Melayu Melaka;

5. menjelaskan sejarah negeri-negeri di Malaysia dari segi bentuk kerajaan, pentadbiran, ekonomi dan sosial;

6. memiliki perasaan bangga dengan kegemilangan tamadun bangsa dan negara;

7. menghargai usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kedaulatan, kemerdekaan dan pembangunan negara;

8. mempunyai dan mempertingkatkan semangat patriotik dan bersedia melibatkan diri dalam usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara;

9. mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan berasaskan iktibar daripada peristiwa sejarah;

10. menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta sejarah Malaysia dan dunia luar secara rasional.

## ORGANISASI KURIKULUM

Organisasi kurikulum Sejarah merupakan kesepaduan berbentuk 'intra' iaitu yang berlaku dari dalam mata pelajaran ini. Unsur-unsur yang terlibat ialah ilmu (*kandungan*), kemahiran (*Struktur disiplin pendidikan Sejarah: Kemahiran Pemikiran Sejarah*) dan penerapan nilai (*patriotisme*) yang boleh menyuburkan intelek, rohani, emosi dan jasmani. Kesepaduan ini berjalan serentak dalam pengajaran dan pembelajaran secara berterusan.




**Rajah 1: Organisasi Kurikulum Sejarah**

## Kandungan

Fokus utama kandungan kurikulum pendidikan Sejarah adalah kepada pengetahuan dan pemahaman Sejarah Negara Malaysia. Pengkajian Sejarah ini bermula dengan zaman prasejarah hingga masa kini.

Sejarah Malaysia sebagai fokus pengkajian

Kandungan kurikulum Sejarah memberi tumpuan kepada aspek-aspek sejarah tempatan berfokus kepada pengkajian yang bersifat mikro iaitu tentang hal-hal bersangkutan dengan keadaan setempat. Kajian Sejarah Tempatan merangkumi aspek sejarah diri dan keluarga, sekolah, persekitaran kawasan sekolah dan kawasan tempat tinggal atau kediaman.

Kajian Sejarah Tempatan

Sejarah negara bertitik tolak dari Zaman Kesultanan Melayu Melaka kerana ia adalah sebuah kerajaan yang kuat di Gugusan Kepulauan Melayu pada kurun ke 15. Pada zaman kegemilangannya, Kesultanan Melayu Melaka telah membina satu tradisi budaya, politik dan ekonomi yang diwarisi sehingga kini. Walaupun pengkajian sejarah negara dimulakan dengan Kesultanan Melayu Melaka, sejarah petempatan-petempatan dan kerajaan-kerajaan awal di Gugusan Kepulauan Melayu juga dikaji.

Aspek sejarah negara luar dikaji terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan sejarah Malaysia. Aspek ini dimasukkan dengan tujuan supaya murid dapat memahami secara lebih jelas tentang sejarah negara kita.

Pengkajian sejarah luar negara yang berkaitan

## Unsur Patriotisme

Fokus utama kurikulum Sejarah bertujuan menanam semangat patriotik yang memupuk nilai-nilai murni di kalangan murid bagi melahirkan warganegara yang:

### *i Berbangga Sebagai Rakyat Malaysia*

- ❒ menghormati raja dan pemimpin negara
- ❒ menghargai jasa dan perjuangan tokoh-tokoh negara
- ❒ menghormati lambang-lambang negara (seperti bendera, lagu kebangsaan, jata negara)
- ❒ menjaga dan mempertahankan maruah bangsa dan negara
- ❒ menghargai dan mengamalkan tradisi dan budaya bangsa
- ❒ berbangga dengan sejarah negara

### *ii Bersemangat Setia Negara*

- ❒ cinta akan bangsa dan negara
- ❒ taat dan setia kepada raja dan pemimpin negara
- ❒ sedia berkorban untuk bangsa dan negara
- ❒ bertanggungjawab kepada bangsa dan negara
- ❒ berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara
- ❒ peka kepada masalah dan isu tentang bangsa dan negara
- ❒ bersyukur sebagai warganegara Malaysia

***iii. Bersemangat Kekitaan***

- bersatupadu dan berharmoni
- bertolak ansur dan bertoleransi
- bekerjasama dan tolong menolong
- hormat menghormati
- bersefahaman dan bermuafakat
- muhibah atau semangat bermasyarakat

***iv. Berdisiplin***

- berakhlak dan berbudi pekerti mulia
- mempertahankan dan menjunjung Perlembagaan Negara
- mematuhi peraturan dan undang-undang
- berkelakuan sopan, bertatasusila dan berhemah tinggi
- bertindak wajar
- bersifat amanah dan jujur
- berlaku adil dan bertimbang rasa

***v Berusaha dan Produktif***

- rajin dan gigih
- berdikari
- tabah menghadapi cabaran
- menyokong dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan
- berganding bahu membangunkan negara
- berilmu dan berketrampilan

**Struktur Disiplin Sejarah**

Pendidikan Sejarah mempunyai teras struktur disiplin yang sistematik. Pemahaman terhadap struktur ini akan mengembangkan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang lebih dinamik. Struktur disiplin pendidikan Sejarah meliputi:




Rajah 2 : Struktur disiplin Sejarah

*Inkuiri dalam Sejarah*

Sejarah merupakan disiplin ilmu yang berkembang untuk mencari kebenaran tentang masa lalu. Oleh itu, sejarawan, guru sejarah dan murid adalah terdedah kepada persoalan: Apa, Mengapa, Bagaimana, Bila Dan Siapa (Pemikiran Inkuiri) setiap kali mereka mempelajari ilmu sejarah. Di dalam Pendidikan Sejarah, guru-guru akan membimbing murid untuk mengemukakan persoalan-persoalan pada awal pengkajian Sejarah. Melalui persoalan ini, murid akan berusaha mencari sumber, bukti atau maklumat yang dapat menjawab persoalan yang telah ditimbulkan.

*Pengumpulan Sumber*

Ilmu Sejarah pada asasnya mementingkan pengkayaan sumber sejarah di kalangan murid. Murid didedahkan tentang tatacara mendapatkan sumber, punca-punca sumber, pengkelasan sumber pertama dan kedua. Seterusnya merekod bukti-bukti yang diperoleh daripada sumber-sumber tersebut. Umumnya sumber merangkumi sumber lisan dan tulisan, artifak, gambar, lukisan, bangunan dan persekitaran yang dapat menjelaskan tentang sesuatu peristiwa masa lalu.

*Kemahiran Pemikiran Sejarah*

Pemikiran Kritis dan analitis

Sejarah adalah satu mata pelajaran yang dapat merangsang pemikiran. Ia membolehkan murid-murid melihat secara empati dan menganalisis bagaimana manusia menggunakan masa, ruang, perubahan dan kesinambungan. Pemahanan Sejarah pula dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bermaksud pemahaman secara kritis dan imaginatif tentang segala aspek kehidupan manusia masa silam dan kini. Pemahaman ini boleh diperolehi jika kesemua aspek dikaji dan pelbagai faktor dianalisis serta dilihat secara keseluruhan.

Meneroka idea kompleks dan abstrak

Pemikiran sejarah pula adalah merupakan satu bentuk proses kognitif yang murid-murid meneroka idea yang kompleks dan abstrak dengan bimbingan guru. Justeru, murid-murid dapat memahami secara kritis dan imaginatif tentang segala aspek kehidupan manusia silam sehingga ke hari ini.

Kemahiran pemikiran sejarah spesifik

Kemahiran pemikiran sejarah adalah lebih spesifik kepada disiplin ilmu sejarah itu sendiri. Kemahiran ini membolehkan murid memahami bagaimana sejarawan merekonstruksi peristiwa lalu dengan menggunakan sumber yang menjadi bukti untuk menentukan signifikan sesuatu tarikh, tokoh, peristiwa, lokasi dan aktiviti manusia masa lalu.

Pemikiran Kritis dan imaginatif

Murid-murid diajar memahami ciri-ciri sejarah supaya mereka dapat meningkatkan pemikiran mereka dengan lebih kritis dan analitis. Kemahiran ini dipupuk dan diperkembangkan di kalangan murid-murid dengan kemahiran-kemahiran seperti kemahiran kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi.

i. ***Memahami kronologi*** – bermakna melihat masa lalu, kini dan akan datang mengikut urutan sesuatu peristiwa sejarah itu berlaku. Di samping itu murid-murid dididik dengan kemahiran memahami konsep masa mengikut kemajuan sesuatu tamadun disamping memahami konversi masa iaitu melabelkan sesuatu peristiwa mengikut zaman seperti *Zaman Darurat, Zaman Meleset* dan *Zaman Penjajahan* tanpa menyatakan tahunnya.

ii. ***Meneroka bukti*** – melibatkan kemahiran mengenal pasti sumber pertama dan kedua membuat perbandingan antara kedua-dua sumber disamping mendapatkan maklumat sejarah dari sumber-sumber tersebut. Perkara ini dapat merangsang pemikiran sejarah seseorang murid di samping memahami masalah sejarah dan sifatnya yang interpretatif.

iii. ***Membuat interpretasi*** – bermaksud membuat tafsiran terhadap sesuatu peristiwa dengan memberi ulasan dan kupasan. Murid-murid disedarkan tentang perbezaan tafsiran dan perspektif yang wujud di kalangan sejarawan. Mereka dapat membezakan fakta sejarah dengan tafsiran sejarah dengan menyedari bahawa kedua-dua ini adalah berkaitan antara satu sama lain.

iv. ***Membuat imaginasi*** – adalah suatu usaha melibatkan murid-murid dengan sesuatu situasi dalam peristiwa sejarah yang dikaji. Kemahiran imaginasi ini ialah secara visual dan empati.

v. ***Membuat rasionalisasi*** – melibatkan penggunaan akal fikiran dan membuat pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Usaha ini memerlukan kemahiran murid-murid untuk mengumpul data, membuat hipotesis, menentukan signifikan bukti dan membuat inferen daripada data yang dikumpul.

***Penjelasan Sejarah***

Kemahiran meng-organisasi dan berkomunikasi

Melalui pendekatan bersepadu, penekanan juga perlu diberi ke atas penggunaan Bahasa Melayu sebagai alat untuk membicarakan ilmu pengetahuan secara ilmiah dan mengutarakan pendapat dengan menggunakan bahasa yang gramatis, tepat dan berkesan dalam bentuk tulisan atau lisan. Sehubungan itu, murid akan belajar mengorganisasikan analisis sumber sejarah dengan menggunakan kemahiran pemikiran sejarah dengan sempurna. Mereka merekod hasil analisis dan seterusnya menulis atau menjelaskan dengan tepat dan bertanggungjawab**.**

***Pemahaman Sejarah***

Pemahaman sejarah bermaksud pemahaman secara kritis dan imaginatif tentang segala aspek kehidupan manusia zaman silam. Perkara ini membolehkan murid melihat zaman silam secara empati. Pemahaman sejarah boleh mendidik murid menganalisis bagaimana manusia mengalami perubahan dan kesinambungan dalam kehidupan.

***Empati***

Empati dalam sejarah ditakrifkan sebagai suatu pencapaian pemikiran yang memahami sesuatu peristiwa masa lalu daripada pelbagai perspektif. murid yang dapat melihat sejarah secara empati sebenarnya membina corak pemikiran yang lebih terbuka, toleransi dan matang. Sejajar dengan itu, Pendidikan Sejarah adalah 'alat' yang dapat menghasilkan warganegara yang lebih bertanggungjawab.

Kemahiran generik yang dikenal pasti perlu untuk murid-murid meneroka ruang-ruang ilmu dalam disiplin sejarah ialah :

- Kemahiran Berkomunikasi
- Kemahiran Menggunakan Teknologi
- Kemahiran Bekerja dengan Orang Lain dalam Kumpulan
- Kemahiran Mengurus, Memilih dan Menganalisis Maklumat
- Kemahiran Menggunakan Idea dan Teknik Matematik
- Kemahiran Memahami Budaya

**Kemahiran Berfikir yang perlu dikuasai oleh murid pula boleh dibahagi kepada 2 kategori utama iaitu :**

- Kemahiran Berfikir Secara Kritis
- Kemahiran Berfikir Secara Kreatif

Rajah 3 menunjukkan peta domain pemikiran yang mengaitkan dua kemahiran berfikir dengan dua proses berfikir. Matlamat pembelajaran kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) menuju kepada proses membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan bijak.

**PEMIKIRAN KRITIS**

- Mencirikan
- Membandingkan dan membezakan
- Mengumpulkan dan mengelaskan
- Membuat urutan
- Menyusun mengikut keutamaan
- Menganalisis
- Mengesan kecondongan
- Menilai
- Membuat kesimpulan

**PEMIKIRAN KREATIF**

- Menjana idea
- Membuat inferens
- Menghubungkaitkan
- Meramal
- Membuat hipotesis
- Mensintesis
- Mengitlak
- Menganalogi
- Membuat gambaran mental
- Mereka cipta

**KBKK**

MEMBUAT KEPUTUSAN

MENYELESAIKAN MASALAH

Rajah 3: Peta Domain Pemikiran

## PETUNJUK PEMIKIRAN KRITIS DAN KREATIF

Berikut adalah Jadual Petunjuk Pemikiran Kritis dan Kreatif yang dapat memberi panduan kepada guru secara terperinci untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran.

### Petunjuk Pemikiran Kritis

| Pemikiran Kritis | Perkataan atau frasa yang memberi makna yang sama |
|---|---|
| **a) Mencirikan**<br><br>Mengenal pasti kriteria seperti ciri, sifat, kualiti dan unsur sesuatu konsep. | • Menyatakan ciri unsur<br>• Memerihalkan sifat<br>• Menyenaraikan ciri, sifat dan unsur<br>• Mengenal pasti kualiti, sifat, ciri dan unsur<br>• Menyebut ciri, sifat dan Unsure |
| **b) Membandingkan dan membezakan**<br><br>Mencari persamaan dan perbezaan berdasarkan kriteria seperti ciri, sifat, kualiti dan unsur sesuatu peristiwa. | • Mencari persamaan dan perbezaan<br>• Menentukan ciri sepadan dan tak sepadan<br>• Menyatakan ciri serupa dan tidak serupa<br>• Menyatakan persamaan dan perbezaan<br>• Menyusun ciri yang sama dan berbezaan |

| Pemikiran Kritis | Perkataan atau frasa yang memberi makna yang sama |
|---|---|
| **c) Mengumpulkan dan mengelaskan**<br><br>Mengasingkan dan mengumpulkan peristiwa kepada kumpulan masing-masing berdasarkan kriteria tertentu seperti ciri. Pengumpulan ini adalah berdasarkan ciri sepunya. | • Membuat pengelasan berasaskan kepada ciri yang sepunya<br>• Mengumpulkan mengikut sesuatu kategori<br>• Mengumpulkan mengikut ciri yang boleh dibandingkan<br>• Mengkategorikan ciri<br>• Menyusun mengikut kriteria<br>• Menyusun mengikut kumpulan |
| **d) Membuat urutan**<br><br>Menyusun maklumat mengikut tertib berdasarkan sifatnya seperti masa, bentuk atau bilangan. | • Menyusun mengikut sesuatu tertib berasaskan nilai, abjad, kronologi, corak, masa dan lain-lain<br>• Menyusun secara menaik atau menurun<br>• Menyusun secara rantai urutan |

| Pemikiran Kritis | Perkataan atau frasa yang memberi makna yang sama |
|---|---|
| **e) Menyusun mengikut keutamaan**<br><br>Menyusun maklumat mengikut tertib berdasarkan kepentingan. | • Mengatur mengikut sesuatu kriteria daripada yang paling penting kepada yang kurang penting<br>• Menyenaraikan idea yang paling penting kepada yang kurang penting<br>• Menyusun berdasarkan segera kepada kurang segera<br>• Menyenaraikan mengikut hierarki berdasarkan matlamat<br>• Mengatur mengikut paling hadapan kepada paling belakang<br>• Menyusun mengikut paling atas kepada paling bawah |
| **f) Menganalisis**<br><br>Mengolah maklumat dengan menghuraikannya kepada bahagian yang lebih kecil bagi memahami sesuatu konsep atau peristiwa serta mencari makna yang tersirat. | • Mencerakin maklumat<br>• Mengolah idea<br>• Mengesan penyebab<br>• Menghuraikan faktor penyebab<br>• Membuat andaian berasaskan maklumat<br>• Menghuraikan mengikut ciri<br>• Menghuraikan kepada bahagian |

| Pemikiran Kritis | Perkataan atau frasa yang memberi makna yang sama |
|---|---|
| | • Mencerakin komponen yang terlibat<br>• Mencari bukti yang menyokong<br>• Mengimbas kembali idea<br>• Mengkaji kesan baik dan buruk<br>• Mengkaji keputusan berasaskan fakta |
| **g) Mengesan kecondongan**<br><br>Mengesan pandangan atau pendapat yang berpihak kepada atau menentang sesuatu. | • Menentukan pendirian berat sebelah<br>• Menentukan pemberatan kepada satu pihak<br>• Menentukan pendirian ke satu pihak |
| **(h) Menilai**<br><br>Membuat pertimbangan tentang sesuatu perkara daripada segi kebaikan dan keburukan, berdasarkan bukti atau dalil yang sah. | • Menaksir maklumat<br>• Mempertimbangkan pendapat dan pandangan<br>• Mempertimbangkan cadangan<br>• Menyatakan rasional<br>• Membahaskan isu atau pernyataan<br>• Membuat pertimbangan<br>• Memberi alasan untuk menerima atau menolak |

| Pemikiran Kritis | Perkataan atau frasa yang memberi makna yang sama |
|---|---|
| | • Membuat pilihan<br>• Mengimbas kembali pilihan<br>• Menentukan nilai |
| **i) Membuat kesimpulan**<br><br>Membuat pernyataan tentang hasil sesuatu kajian yang berdasarkan kepada sesuatu hipotesis atau mengukuhkan sesuatu perkara berdasarkan penyiasatan. | • Merumuskan isu<br>• Menyatakan hasil selepas analisis<br>• Menyusun alasan<br>• Membuat resolusi<br>• Membuat persetujuan<br>• Membuat keputusan bijaksana yang muktamad<br>• Membuat rumusan<br>• Menggulung hujah |

**Petunjuk Pemikiran Kreatif**

| Pemikiran Kreatif | Perkataan atau frasa yang memberi makna yang sama |
|---|---|
| **a) Menjanakan idea**<br><br>Menghasilkan idea yang berkaitan dengan sesuatu perkara. | • Mengemukakan idea<br>• Mencadangkan alternatif<br>• Mencadangkan sebab<br>• Menyenaraikan idea<br>• Menyatakan cara lain<br>• Menyumbangkan pendapat<br>• Menyatakan kemungkinan<br>• Menghasilkan idea<br>• Mencetus idea<br>• Melahirkan idea |
| **b) Membuat inferens**<br><br>Membuat kesimpulan awal yang munasabah, yang mungkin benar atau tidak benar untuk menerangkan sesuatu peristiwa atau pemerhatian. | • Membuat kesimpulan awal daripada pemerhatian<br>• Membuat rumusan awal daripada data<br>• Membuat kesimpulan awal daripada maklumat<br>• Membuat tanggapan awal<br>• Membuat penyataan awal<br>• Membuat pendirian awal<br>• Menyatakan ketetapan awal |

| Pemikiran Kreatif | Perkataan atau frasa yang memberi makna yang sama |
|---|---|
| **c) Menghubungkaitkan**<br><br>Membuat perkaitan dalam sesuatu keadaan atau peristiwa untuk mencari sesuatu sruktur atau corak perhubungan. | • Menerangkan sebab dan akibat<br>• Menyatakan perkaitan<br>• Menyatakan sebab musabab<br>• Menyatakan implikasi<br>• mengkaji perkaitan<br>• Mencari perkaitan<br>• Mengaitkan idea<br>• Menyatakan pertalian<br>• Membuat perhubungan |
| **d) Meramal**<br><br>Membuat jangkaan tentang sesuatu peristiwa berdasarkan pemerhatian dan pengalaman yang lalu atau data yang boleh dipercayai. | • Menyatakan apa yang akan berlaku<br>• Membuat jangkaan<br>• Menganggarkan apa yang akan berlaku<br>• Membuat pelunjuran<br>• Menyatakan kemungkinan yang akan berlaku |

| Pemikiran Kreatif | Perkataan atau frasa yang memberi makna yang sama |
|---|---|
| **e) Membuat hipotesis**<br><br>Membuat pernyataan umum tentang hubungan antara pemboleh ubah dimanipulasikan dan pemboleh ubah bergerak balas yang difikirkan benar bagi menerangkan sesuatu perkara atau peristiwa. Pernyataan ini perlu diuji untuk membuktikan kesahihannya. | • Menyatakan cadangan yang perlu diuji kesahihannya<br>• Membuat andaian yang perlu dibuktikan kebenarannya<br>• Membuat pernyataan yang perlu diuji ketepatannya<br>• Menyatakan pandangan yang perlu diuji kejituannya |
| **f) Mensintesiskan**<br><br>Menggabungkan unsur yang berasingan untuk menghasilkan satu gambaran menyeluruh dalam bentuk seperti pernyataan, lukisan dan artifak. | • Menggabungkan idea<br>• Menggubal semula<br>• Menyatukan idea-idea<br>• Menyepadukan idea |

| Pemikiran Kreatif | Perkataan atau frasa yang memberi makna yang sama |
|---|---|
| **g) Mengitlak**<br><br>Membuat pernyataan umum terhadap sesuatu perkara untuk keseluruhan kumpulan berdasarkan pemerhatian ke atas sampel atau beberapa maklumat daripada kumpulan itu. | • Membuat pernyataan umum berdasarkan pola<br>• Membuat generalisasi<br>• Membuat rumusan umum daripada keseluruhan idea |
| **h) Menganalogikan**<br><br>Membentuk kefahaman tentang sesuatu konsep yang kompleks secara mengaitkan konsep itu dengan konsep yang mudah yang mempunyai ciri serupa. | • Memetafora<br>• Membuat sindiran<br>• Membuat kiasan<br>• Membuat perlambangan<br>• Membuat simulasi<br>• Membandingkan sesuatu yang ada ciri persamaan |
| **i) Membuat gambaran mental**<br><br>Membuat tanggapan atau membayangkan sesuatu idea, konsep, keadaan atau gagasan dalam minda atau fikiran. | • Mengimaginasi<br>• Menggambarkan dalam bentuk lain<br>• Membayangkan dalam minda<br>• Melakarkan peta minda<br>• Membuat khayalan<br>• Cuba fikirkan suatu peristi |

| Pemikiran Kreatif | Perkataan atau frasa yang memberi makna yang sama |
|---|---|
| **j) Mereka Cipta**<br><br>Menghasilkan sesuatu yang baru atau melakukan pengubahsuaian kepada sesuatu yang sedia ada untuk mengatasi masalah secara terancang. | • Cadangan idea original<br>• Menghasilkan gubahan original<br>• Mereka bentuk<br>• Mencipta sesuatu<br>• Membuat inovasi<br>• Menghasilkan idea yang kreatif<br>• Membuat pengubahsuaian |

## PENERANGAN TENTANG LAJUR DAN ARAS

Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) Kurikulum Sejarah ini dipersembahkan dalam tiga bahagian iaitu ***Sinopsis Tema/Tajuk***, ***Carta Aliran*** dan ***Perincian Kandungan Sukatan Pelajaran.***

***Sinopsis Tema/Tajuk*** merupakan ringkasan keseluruhan tema/tajuk yang memberi kefahaman mengenai kandungan dan skop keseluruhan sesuatu tema/tajuk.

***Carta aliran*** pula bertujuan menerangkan dengan lebih jelas tentang rentetan peristiwa bagi sesuatu tema/tajuk. Carta aliran mengandungi empat elemen iaitu latar belakang, sebab dan akibat, fokus utama dan kesan.

***Perincian kandungan Sukatan Pelajaran*** pula dipersembahkan dalam lima lajur iaitu *Tema/Tajuk, Hasil Pembelajaran, Konsep /Istilah, Cadangan Kaedah Pembelajaran* dan *Unsur/Hasil Tingkah Laku Patriotisme.*

*1* Dalam lajur **Tajuk** disenaraikan tajuk/subtajuk dan ruang lingkup isi kandungan pengetahuan yang akan dipelajari bagi setiap tema/tajuk. Dalam pengajaran dan pembelajaran, semua pengetahuan yang disenaraikan boleh digabungkan, dikaitkan dan dibincangkan secara berasingan mengikut kesesuaian tajuk, kesediaan dan tahap keupayaan murid.

*2* Dalam lajur **Hasil Pembelajaran** disenaraikan hasil pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi setiap tajuk.

Hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid ini terbahagi kepada tiga aras mengikut kompleksiti sesuatu tajuk atau bidang pembelajaran seperti mana yang dijelaskan dalam jadual di bawah:

| | |
|---|---|
| **ARAS 1**<br>( Asas ) | Mencakupi kemahiran pemikiran Sejarah yang mudah. Murid dapat memahami peristiwa sejarah secara kritis dan imaginatif (empati) tentang segala aspek kehidupan manusia secara langsung dan mudah. |
| **ARAS 2**<br>( Standard ) | Mencakupi kemahiran pemikiran Sejarah yang lebih tinggi. Murid boleh melihat secara empati dan menganalisis bagaimana manusia menggunakan masa, ruang, perubahan dan kesinambungan tentang segala aspek kehidupan manusia secara langsung dan mudah. |

| | |
|---|---|
| **ARAS 3** ( Maju ) | Mencakupi kemahiran pemikiran Sejarah yang membolehkan murid meneroka idea yang kompleks dan abstrak. Murid dapat memahami secara kritis dan imaginatif (empati) tentang segala aspek kehidupan manusia sehingga ke hari ini (empati) |

**3** Dalam lajur **Konsep Utama** disenaraikan konsep-konsep utama yang perlu ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi setiap tajuk. Guru juga boleh ***menambah*** konsep utama yang difikirkan sesuai dan perlu.

**4** Dalam lajur **Cadangan Aktiviti Pembelajaran** disenaraikan ***cadangan*** aktiviti pembelajaran untuk guru menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Guru boleh ***menambah, mengubahsuai atau membuat*** aktiviti yang lain bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

**5** Manakala dalam lajur **Unsur dan Hasil Tingkah Laku Patriotisme** disenaraikan unsur/hasil tingkah laku patriotisme yang perlu dipupuk dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui pengetahuan sejarah. Di samping itu penerapan patriotisme juga boleh dilakukan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara tidak langsung dengan menekankan aspek-aspek perubahan tingkah laku yang diyakini dan dilakukan oleh murid sama ada semasa atau selepas proses pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan ***konsep pendidikan sepanjang hayat***. Guru boleh menambah unsur/hasil tingkah laku patriotisme yang difikirkan sesuai dan perlu selain daripada yang telah disenaraikan di dalam lajur ini.

Dalam usaha ke arah mencapai matlamat pendidikan Sejarah KBSM perkara berikut haruslah diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu;

(i) **Kesepaduan Pengetahuan, Nilai dan Kemahiran**

Pendekatan bersepadu merupakan satu strategi yang berkesan untuk menjalin dan mengadun unsur-unsur ilmu, nilai-nilai murni, kemahiran belajar dan bahasa yang baik. Oleh itu dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah, penekanan haruslah diberi terhadap pemerolehan pengetahuan, perkembangan kemahiran belajar dan pemupukan serta penghayatan nilai-nilai murni. Berdasarkan pengetahuan dan pemahaman aspek-aspek Sejarah, murid akan dibimbing untuk mentafsir, menganalisis dan menilai fakta-fakta sejarah secara rasional, adil, dan tepat.

Melalui pendekatan bersepadu, penekanan diberi ke atas penggunaan Bahasa Malaysia sebagai alat untuk membicarakan ilmu pengetahuan secara ilmiah dan mengutarakan pendapat dengan menggunakan bahasa yang gramatis, tepat dan berkesan dalam bentuk tulisan atau lisan. Di samping itu pengetahuan dan kemahiran daripada mata pelajaran lain serta pengalaman hidup harian pelajar perlulah dihubungkaitkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

(ii) **Pemahaman Idea dan Konsep/Istilah Sejarah**

Sejarah mempunyai idea dan konsep khusus. Pemahaman dan penghayatan tentang idea dan konsep tersebut amat penting untuk menjadikan pengetahuan sejarah relevan dan berguna dalam kehidupan seharian.

(iii) **Pemupukan Nilai dan Sikap Patriotik**

Mata pelajaran Sejarah adalah pendukung utama pemupukan semangat patriotik. Dalam pengajaran dan pembelajaran, penekanan perlu dibuat terhadap aspek nilai dan iktibar melalui pengalaman sejarah untuk memupuk semangat setia negara, kebanggaan dan keperibadian sebagai rakyat Malaysia

(iv) **Peningkatan Kemahiran Belajar dan Minat**

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah, penekanan haruslah diberi terhadap perkembangan kemahiran seperti mengumpul dan mengklaskan maklumat, mentafsir, menganalisis, mensintesis dan mengaplikasi. Penguasaan kemahiran belajar tersebut akan meningkatkan kefahaman, pemikiran dan minat terhadap mata pelajaran Sejarah.

(v) **Penggunaan Pelbagai Strategi Pengajaran dan Pembelajaran**

Untuk memperkembangkan potensi serta meningkatkan keupayaan dan kebolehan murid secara menyeluruh dan seimbang, murid perlu dilibatkan secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Penglibatan murid secara aktif dalam pembelajaran dapat meningkatkan kefahaman, kemahiran dan pemupukan nilai dengan lebih berkesan.

Antara kaedah dan teknik yang boleh digunakan ialah *syarahan, simulasi, kajian kes, eksperimen, sumbangsaran, perbincangan, projek, main peranan, lakonan, penyelidikan, tunjuk cara, penggunaan sumber, kerja luar dan latih tubi*. Guru boleh memilih mana-mana kaedah dan teknik untuk mengajar sesuatu tajuk pelajaran. Pemilihan dan penggunaan metodologi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai, boleh menimbulkan minat serta membangkitkan motivasi murid terhadap pelajaran sekaligus dapat meningkatkan kefahaman dan kemahiran mereka.

Huraian Sukatan Pelajaran ini adalah untuk kegunaan guru merancang pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

## PENDEKATAN ISI KANDUNGAN KURIKULUM SEJARAH SEKOLAH MENENGAH RENDAH

Pada peringkat Sekolah Menengah Rendah, isi kandungan pendidikan Sejarah memberi tumpuan kepada pemahaman yang menyeluruh dan memberikan suatu gambaran jelas tentang sejarah negara kita . Kandungan Pendidikan Sejarah pada peringkat ini berbentuk rentetan peristiwa secara kronologi. Beberapa aspek tentang sejarah negara kita yang mempunyai kaitan dengan negara luar dibincangkan.

Pemilihan isi kandungan sejarah negara kita dan pendekatan dari perspektif penulis tempatan melahirkan generasi yang cintakan negara, bangsa dan agama. Pelajar didedahkan kepada sejarah keagungan Kesultanan Melayu Melaka hinggalah kepada sejarah negara hari ini.

Kajian Sejarah Tempatan pula dijadikan satu komponen daripada pendidikan Sejarah yang dilaksanakan secara kerja kursus. Pelajar didedahkan kepada konsep sejarah diri dan keluarga, sekolah, persekitaran kawasan  sekolah dan kawasan tempat tinggal atau kediaman.

Justeru, pendekatan isi kandungan pendidikan Sejarah melahirkan pelajar yang menguasai kemahiran pemikiran, menghayati peristiwa sejarah negara secara empati dan bersemangat patriotik.




Rajah 4:  Pendekatan isi kandungan Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah Rendah

# HURAIAN SUKATAN PELAJARAN SEJARAH

## TINGKATAN 1

- **Sejarah Dan Kita**
- **Tema 1: Zaman Prasejarah dan Keagungan Kesultanan Melayu Melaka**
- **Tema 2: Kesultanan Melayu Melaka Menjadi Asas Kerajaan Masa Kini**

## SEJARAH DAN KITA

***Sejarah dan Kita*** memperkenalkan unsur-unsur penting pendidikan Sejarah seperti pengertian sejarah, ciri-ciri sejarah dan kaedah pengkajian sejarah. Tajuk ini memberi pendedahan serta pemahaman kepada asas-asas disiplin ilmu Sejarah

**SEJARAH DAN KITA**

| TEMA/TAJUK | HASIL PEMBELAJARAN | KONSEP/ ISTILAH | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN | UNSUR DAN TINGKAH LAKU PATRIOTISME |
|---|---|---|---|---|
| **SEJARAH DAN KITA**<br><br>a. Kemahiran sejarah<br><br>i. Definisi sejarah<br><br>ii. Ciri-ciri sejarah<br><br>iii. Sumber sejarah<br><br>iv. Kaedah pengkajian sejarah | **Memahami kemahiran sejarah**<br><br>**<u>Aras 1</u>**<br>• Mendefinisikan istilah sejarah<br>• Menyenaraikan ciri-ciri sejarah<br>• Mentakrifkan dan memberi contoh sumber sejarah<br>• Menyatakan kaedah pengkajian sejarah<br><br>**<u>Aras 2</u>**<br>• Menggunakan istilah yang berkaitan dengan masa<br>• Memberi contoh peristiwa-peristiwa bersejarah<br>• Mengelaskan kaedah pengkajian sejarah<br><br>**<u>Aras 3</u>**<br>• Mentafsir peristiwa sejarah<br>• Mengelaskan sumber sejarah<br>• Mengelaskan peristiwa<br>• sejarah dan bukan sejarah<br>• Mengaplikasikan kemahiran sejarah dalam pengkajian sejarah | Rekonstruksi<br><br>Abad<br><br>Masa<br><br>Arkeologi<br><br>Alaf/Kurun<br><br>Dekad<br><br>Sejarawan<br><br>Era<br><br>Kronologi<br><br>Purba<br><br>Tafsiran | *Kajian Teks* :<br>Mencari definisi sejarah<br><br>***Perbincangan :***<br>Merumus definisi sejarah<br><br>***Peta Minda :***<br>Ciri-ciri Sejarah<br><br>***Kajian Gambar :***<br>Sumber sejarah<br>Catatan :<br>Kajian Sejarah Tempatan dilaksanakan secara Kerja Kursus dari Tingkatan | Berbangga dengan warisan negara<br>• Menghargai tinggalan sejarah |

| TEMA/TAJUK | HASIL PEMBELAJARAN | KONSEP/ ISTILAH | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN | UNSUR DAN TINGKAH LAKU PATRIOTISME |
|---|---|---|---|---|
| b. Kepentingan sejarah<br><br>i. Tujuan<br><br>ii. Faedah | **<u>Memahami kepentingan sejarah</u>**<br><br>**<u>Aras 1</u>**<br>• Menyenaraikan tujuan dan faedah mempelajari sejarah<br>• Menyusun kejayaan-kejayaan negara yang menjadi kebanggaan kita<br><br>**<u>Aras 2</u>**<br>• Membincangkan peristiwa bersejarah<br>• Mengelaskan iktibar daripada peristiwa bersejarah tersebut<br><br>**<u>Aras 3</u>**<br>• Mengilustrasikan suasana negara pada tahun 2020 | Iktibar<br><br>Sumbangan<br><br>Peristiwa sejarah<br><br>Cinta akan tanah air<br><br>Keperibadian sesebuah masyarakat | ***Perbincangan :***<br>Ciri-ciri warisan bangsa | Bangga dengan sejarah negara<br>• Melahirkan rasa bangga dan cinta akan tanah air |

## TEMA 1. ZAMAN PRASEJARAH DAN KEAGUNGAN KESULTANAN MELAYU MELAKA

Tema ini menyentuh kemunculan masyarakat prasejarah dan kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara sebagai latar belakang kepada kemunculan Kesultanan Melayu Melaka. Kesultanan Melayu Melaka menjadi sebuah kerajaan yang kuat di Gugusan Kepulauan Melayu pada kurun ke-15 dan awal kurun ke-16. Pada zaman kegemilangannya, Kesultanan Melayu Melaka telah membina satu tradisi politik, ekonomi dan budaya yang kekal diwarisi sehingga kini. Kegemilangan dan kemakmurannya telah menarik minat Portugis datang ke Melaka dan menawan Melaka pada tahun 1511.

# CARTA ALIRAN

## TEMA 1: Zaman Prasejarah dan Keagungan Kesultanan Melayu Melaka



**TEMA 1 : ZAMAN PRASEJARAH DAN KEAGUNGAN KESULTANAN MELAYU MELAKA**

| TEMA/TAJUK | HASIL PEMBELAJARAN | KONSEP/ ISTILAH | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN | UNSUR DAN TINGKAH LAKU PATRIOTISME |
|---|---|---|---|---|
| **1. ZAMAN PRASEJARAH DAN KEAGUNGAN KESULTANAN MELAYU MELAKA**<br><br>**1.1 Zaman Prasejarah**<br><br>a. Paleolitik<br><br>b. Mesolitik<br><br>c. Neolitik<br><br>d. Zaman Logam | **<u>Mengetahui tahap perkembangan zaman prasejarah</u>**<br><br>**<u>Aras 1</u>**<br>• Menyatakan tahap perkembangan zaman prasejarah<br>• Menyebut nama peralatan pada zaman prasejarah<br>• Menyatakan lokasi penempatan zaman prasejarah<br><br>**<u>Aras 2</u>**<br>• Membandingkan tahap-tahap zaman prasejarah dari segi petempatan, aktiviti ekonomi dan peralatan<br>• Memberi sebab pemilihan gua sebagai tempat tinggal | Prasejarah<br><br>Paleolitik<br><br>Mesolitik<br><br>Neolitik<br><br>Ahli arkeologi<br><br>Petempatan awal<br><br>Peralatan | ***Kajian Gambar/Ilustrasi :***<br>Melakar peralatan dan senjata zaman pra sejarah<br><br>***Membina Garis Masa:***<br>Zaman prasejarah<br><br>***Kajian Peta:***<br>Melabel lokasi penempatan zaman prasejarah | Semangat gigih dan berdikari<br>• Bekerja keras dan yakin diri |

| TEMA/TAJUK | HASIL PEMBELAJARAN | KONSEP/ ISTILAH | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN | UNSUR DAN TINGKAH LAKU PATRIOTISME |
|---|---|---|---|---|
| | **<u>Aras 3</u>**<br>• Membuat inferens tentang keistimewaan zaman prasejarah | Kajian geologi<br><br>Beliung | | |
| **1.2 Kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara**<br><br>(Angkor, Champa, Funan, Srivijaya, Majapahit, Chi Tu dan Kedah Tua)<br><br>a. Kerajaan agraria dan kerajaan maritim<br><br>- takrif<br><br>- ciri-ciri<br><br>- perkembangan | **<u>Memahami kewujudan kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara</u>**<br><br>**<u>Aras 1</u>**<br>• Mendefinisikan konsep agraria, maritim dan pelabuhan entrepot<br>• Mencirikan kerajaan agraria dan kerajaan maritim<br>• Menyebutkan lokasi kerajaan agraria dan kerajaan maritim<br>• Memberikan contoh-contoh hasil pengeluaran (sperti Kedah Tua – pertanian padi)<br>• Memerihalkan sistem pemerintahan dan pentadbiran kerajaan awal | Kerajaan agraria<br><br>Kerajaan maritim<br><br>Pelabuhan entrepot<br><br>Perdagangan antara kawasan<br><br>Perdagangan serantau | ***Membuat Carta :*** Perbandingan antara kerajaan agraria dan kerajaan maritim<br><br>***Mengkaji Peta*** : Melabel lokasi kerajaan agraria dan kerajaan maritim | Kemegahan terhadap tamadun awal<br>• Menghargai sumbangan tamadun awal kita |

| TEMA/TAJUK | HASIL PEMBELAJARAN | KONSEP/ ISTILAH | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN | UNSUR DAN TINGKAH LAKU PATRIOTISME |
|---|---|---|---|---|
| | **Aras 2**<br>• Membandingkan ciri-ciri kerajaan maritim dan agraria<br>• Membincangkan kepentingan pelabuhan kepada kerajaan-kerajaan awal | Pusat pengumpulan | | |
| b. Sistem pemerintahan dan pentadbiran kerajaan awal | **Aras 3**<br>• Mengkaji sebab-sebab perkembangan kerajaan agraria menjadi kerajaan maritim<br>• Memberi rasional kewujudan kerajaan awal di tepi-tepi sungai dan pesisiran pantai<br>• Menjana idea tentang kewujudan sistem pentadbiran yang sistematik | Pusat pengedaran barang<br><br>Dasar perluasan kuasa dan wilayah<br><br>Sistem pentadbiran | | |

| TEMA/TAJUK | HASIL PEMBELAJARAN | KONSEP/ ISTILAH | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN | UNSUR DAN TINGKAH LAKU PATRIOTISME |
|---|---|---|---|---|
| **1.3 Zaman Kesultanan Melayu Melaka**<br><br>a. Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka<br><br>i. Kedatangan Parameswara<br><br>ii. Asal usul Melaka<br><br>iii. Parameswara membina Melaka | **<u>Mengetahui tentang kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka</u>**<br><br>**<u>Aras 1</u>**<br>• Memerihalkan peristiwa pengasasan kesultanan Melayu Melaka<br>• Menceritakan asal usul nama Melaka<br>• Menceritakan perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka<br>• Menyatakan kegigihan dan wawasan Parameswara<br><br>**<u>Aras 2</u>**<br>• Menerangkan tindakan Parameswara dalam usaha membina Melaka<br>• Membandingkan sejarah pengasasan Kesultanan Melayu Melaka berdasarkan pelbagai sumber | Pengasasan<br><br>Kesultanan<br><br>Asal-usul<br><br>Terlindung daripada tiupan angin monsun<br><br>Strategik<br><br>Perairan Selat Melaka<br><br>Pedagang asing<br><br>Lagenda | ***Kajian Peta :***<br>Melakar tunjuk arah perjalanan Parameswara hingga ke Melaka<br><br>***Simulasi :***<br>Pemilihan Melaka sebagai sebuah petempatan<br><br>***Melukis/Ilustrasi :***<br>Keadaan Melaka sebagai kampung nelayan | Kemimpinan berwawasan<br>• Berbangga dengan pemimpin yang berwibawa dan berwawasan<br><br>Kegigihan untuk mencapai cita-cita<br>• Berkeyakinan terhadap ciri-ciri kegemilangan negara kita |

| TEMA/TAJUK | HASIL PEMBELAJARAN | KONSEP/ ISTILAH | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN | UNSUR DAN TINGKAH LAKU PATRIOTISME |
|---|---|---|---|---|
| | **<u>Aras 3</u>**<br>• Membuat justifikasi pemilihan Melaka sebagai sebuah kerajaan<br>• Membuat inferens tentang kepentingan sifat kepemimpinan dalam pembinaan negara | | | |
| b. Kegemilangan Melaka<br><br>i. Sistem pentadbiran<br><br>- Sistem Pembesar Empat Lipatan | **<u>Menganalisis Sistem Pembesar Empat Lipatan di Melaka</u>**<br><br>**<u>Aras 1</u>**<br>• Mendefinisikan konsep Pembesar Empat Lipatan<br>• Memadankan jawatan dan peranan pembesar di Melaka<br><br>**<u>Aras 2</u>**<br>• Membuktikan Sistem Pentadbiran Pembesar Empat Lipatan adalah sistematik | Sistem Pembesar Empat Lipatan<br><br>Daulat<br><br>Derhaka<br><br>Tulah<br><br>Kawasan pegangan | ***Carta Aliran :***<br>Melakar rajah sistem pentadbiran Pembesar Empat Lipatan<br><br>***Melukis/Ilustrasi :***<br>Kedudukan pembesar berempat di Melaka ketika menghadap sultan | Tanggungjawab bersama asas kegemilangan<br>• Berbangga dengan sistem pentadbiran negara kita |

| TEMA/TAJUK | HASIL PEMBELAJARAN | KONSEP/ ISTILAH | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN | UNSUR DAN TINGKAH LAKU PATRIOTISME |
|---|---|---|---|---|
| | **Aras 3**<br>• Membuat inferens tentang sistem Pembesar Empat Lipatan dengan sistem Jemaah Menteri sekarang<br>• Mempertikaikan tentang kepemimpinan yang lebih berkuasa dalam hirarki tentera Kesultanan Melayu Melaka | Kawasan pemakanan<br><br>Nakhoda<br><br>Golongan 'Kiwi'<br><br>Syahbandar | | Kedaulatan negara kita<br>• Berbangga dengan pemimpin yang berwibawa dan berwawasan |
| ii. Pusat perdagangan<br><br>- faktor geografi<br><br>- faktor di Melaka :<br><br>- pentadbiran<br><br>- kemudahan pelabuhan | **Memahami kegemilangan Melaka sebagai pusat perdagangan bertaraf dunia**<br><br>**Aras 1**<br>• Menyenaraikan faktor-faktor yang menyumbang ke arah kemunculan Melaka sebagai pusat perdagangan<br>• Menyebut nama negara dan jenis barangan yang diperdagangkan di Melaka<br>• Menyatakan peranan Syahbandar dalam memajukan perdagangan di Melaka | Hubungan diplomatik<br><br>Sistem Cukai Berkeutamaan<br><br>Lingua franca | ***Kajian gambar :***<br>Pelabuhan Melaka<br><br>***Kajian peta :***<br>Melakar peta yang menunjukkan jenis barangan dan negara yang mempunyai hubungan perdagangan dengan Melaka | Sistem perdagangan Melaka bertaraf dunia<br>• Berkeyakinan Malaysia Boleh |

| TEMA/TAJUK | HASIL PEMBELAJARAN | KONSEP/ ISTILAH | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN | UNSUR DAN TINGKAH LAKU PATRIOTISME |
|---|---|---|---|---|
